

## BAHASA & BUDAYA

► NUR SYUHRAH HASSAN

nsyuhrah@sph.com.sg

CIK Ruzita Zainuddin perhatikan bahawa anak keduanya yang berusia enam tahun kini lebih fasih bertutur bahasa Melayu apabila berkomunikasi bersamanya ataupun dengan datuk dan neneknya.

Ibu tiga anak yang masing-masing berusia lapan, enam dan tiga tahun itu percaya bahawa ini adalah antara kesan kelas tambahan program pembelajaran dari rumah yang ditawarkan oleh prasekolah anaknya, My First Skool sejak Januari lalu.

“Saya perasan bahawa anak saya kini boleh bertutur dalam bahasa Melayu baku dengan lebih baik daripada saya.

“Malah, jujur saja, saya kagum dengan kebolehannya ini,” ujar beliau yang berusia 37 tahun dan bertugas sebagai pengurus besar prasekolah.

Program pembelajaran dari rumah My First Skool bertujuan untuk melengkapkan pelajaran fizikal mereka dan menawarkan model hibrid untuk ibu bapa di tengah-tengah pandemik Covid-19, kata rangkaian prasekolah itu.

Program itu tersedia dan boleh diakses melalui platform mikrosit di komputer atau tablet ibu bapa.

Program Pembelajaran dari Rumah bertujuan untuk menjadi ‘Guru di Rumah’, menyediakan tiga kaedah pembelajaran untuk kanak-kanak dengan kandungan dihasilkan oleh MFS.

Ini termasuk sesi yang distrim secara langsung selama 30 minit pada pagi Sabtu dengan guru MFS, atau rakan kongsi dari industri lain seperti pakar pemakanan dan pemuzik; dua kali seminggu sesi berpandu prarakaman pada waktu malam (termasuk sesi membaca bahasa Cina dan bahasa Melayu), dan kandungan e-Repositori atas permintaan lain.

Sesi bahasa ibunda akan diadakan selang minggu bersama bahasa Inggeris.

Cik Ruzita akur bahawa program tambahan ini juga sangat bermanfaat baginya kerana beliau lebih terlibat dalam kelas dan kandungan pelajaran anak-anaknya yang masih dalam prasekolah.

“Sebagai ibu bapa, kami dapat mengetahui apakah tema yang dipelajari di sekolah, atau topik-topik yang dibincangkan, memandangkan program ini juga berkaitan dengan apa yang dipelajari secara fizikal di sekolah.

“Selain itu, saya juga dapat mengikut nada suara guru, saya lebih tahu akan peringkat kosa kata yang digunakan di sekolah dan banyak lagi.

“Senang kata, saya lebih terlibat dalam pembelajaran anak saya menerusi program ini dan saya dapat bertanya dengan lebih mendalam akan pembelajaran di sekolah berbanding perbualan permukaan sahaja,” jelas Cik Ruzita dalam satu panggilan video bersama Berita Harian (BH) baru-baru ini.

Bagi Cik Annisa Mohammad Amin, seorang guru Melayu di MFS, beliau berkata bahawa tujuan MFS bukan sahaja untuk mendidik bahasa Melayu, tetapi juga untuk menimbulkan minat dalam pertuturan bahasa Melayu serta memperkenalkan budaya Melayu.

Menerusi mikrosit MFS, mereka juga menawarkan pelbagai topik pembelajaran bagi ibu bapa serta kanak-kanak untuk menimba ilmu budaya mereka.

“Kini anak saya sudah pandai membuat kuih lapis yang berwarna-warni kerana ada video di mikrosit yang mengajarnya. Kami pun membuatnya bersama dan ia menjadi satu kegiatan yang seronok bagi kami,” kongsikan Cik Ruzita yang kemudian berkata anak keduanya gemar berbual mengenai makanan kuih Melayu setelah mula mempelajarinya.

“Saya percaya pembelajaran anak-anak harus berterusan di rumah dan program MFS ini berjaya membantu dan mendorong ibu bapa melaksanakannya,” tambah beliau.

# Kini anak lebih fasih cakap Melayu sejak ikuti kelas dari rumah My First Skool

**BELAJAR BERSAMA:** Cik Ruzita Zainuddin, bersama dua orang anaknya menjalankan program tambahan pembelajaran oleh prasekolah My First Skool. - Foto ihsan oleh RUZITA ZAINUDDIN.



“Sebagai ibu bapa, kami dapat mengetahui apakah tema yang dipelajari di sekolah, atau topik-topik yang dibincangkan, memandangkan program ini juga berkaitan dengan apa yang dipelajari secara fizikal di sekolah.

“Selain itu, saya juga dapat mengikut nada suara guru, saya lebih tahu akan peringkat kosa kata yang digunakan di sekolah dan banyak lagi.

Senang kata, saya lebih terlibat dalam pembelajaran anak saya menerusi program ini dan saya dapat bertanya dengan lebih mendalam akan pembelajaran di sekolah berbanding perbualan permukaan sahaja.”

– Cik Ruzita Zainuddin.